

# **DEFINISI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KELUARGA (Part 10)**

Azizi Hj Yahaya

## **6. Peranan Keluarga Kepada Pembentukan Kendiri Remaja**

Kebanyakan masalah remaja kini bertitik tolak dari kepincangan yang wujud dalam institusi keluarga remaja itu sendiri yang membawa kepada pelbagai kesan negatif terhadap remaja tersebut. Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah di kalangan remaja masa kini

Ibu bapa seharusnya memahami dan mengetahui perkembangan alam psikologi remaja, pada peringkat ini remaja memerlukan perhatian dan bimbingan serta kasih sayang dari ahli keluarga. Ibu bapa seharusnya merapatkan jurang pergaulan dan hubungan dengan meluangkan masa berbincang secara bersemuka, bagi mengelakkan konflik serta sentiasa menghormati serta memberi penghargaan kepada anak-anak remaja mereka berserta ajaran dan amalan agama.

### **Rumusan**

Pembentukan konsep kendiri dan pencarian identiti remaja sentiasa berterusan supaya memberi makna baru kepada diri dan paling menonjol pada zaman remaja. Keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan konsep kendiri dan identiti anak-anak samada positif atau negatif.

Seringkali timbul konflik antara remaja dengan keluarga akibat perbezaan cita rasa dan pilihan peribadi, namun jika ditangani dengan bijaksana akan menghasilkan kendiri remaja yang positif dan teguh. Oleh itu kedua-dua pihak perlu memahami situasi antara satu sama lain agar dapat mengambil tindakan serta memainkan peranan yang bersesuaian agar persefahaman dapat dicapai.

### **Bibliografi**

Azizi et. al., (2004), *Psikologi Sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.  
Azizi et. al., (2005), *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi Yahya / Definisi Remaja Dan Pembentukan Konsep Kendiri Dalam Hubungannya  
Dengan Keluarga (Part 10). 2011

Azizi et. Al.,(2005) *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS Publication & Distributors

Fariza (2005) *Tekanan Emosi Remaja Islam* Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.

Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia

Franzoi Stephen L (2006) , *Social Phychology*, 4<sup>th</sup> ed., Madison : Brown and Benchmark

Ma'rof Redzuan (2001), *Psikologi Sosial*, Kuala Lumpur: Universiti Putera Malaysia Serdang

Ma'arof dan Haslinda. (2004) *Psikologi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill

Mohd. Makzan, (1997) *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors

Mohd. Mansur dan Siti Nordinar (1988), *Psikologi Remaja*. Petaling jaya: Fajar Bakti.

Mohd. Sharani, Zainal & Mohamad Ibrani. (2003) *Psikologi Pembangunan Manusia*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.